

15 JUL 1997

Anwar-Jawatan

TAMBAHAN BEBAN TUGAS MEMANG SUDAH DIJANGKA, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Tambahan beban tugas sebagai Pemangku Perdana Menteri memang sudah dijangka dan tidak dapat dielakkan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Untuk tempoh dua bulan ini Anwar perlu memikul empat tugas serentak -- tugas Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

"Sudah tentu tugasnya bertambah. Saya sudah memikul tanggungjawab itu untuk beberapa tahun, dari semasa ke semasa...tetapi kini tempohnya agak lebih lama dan beban tugasnya juga lebih banyak," kata Anwar.

Beliau ditanya pemberita mengenai persepsinya memegang jawatan Pemangku Perdana Menteri selama dua bulan selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Ke-2 Pasaran Modal Islam di sini hari ini.

Anwar berkata: "Kadang kala saya memangku jawatan...dari semasa ke semasa dan saya sentiasa merujuk kepada PM. Apa lagi yang anda mahu lihat?"

Tugas sebagai pemangku perdana menteri juga bererti senarai tanggungjawab semakin bertambah bagi Anwar yang juga memegang jawatan pemangku presiden Umno selain tugas sebagai timbalan presiden parti.

Anwar dilantik Pemangku Perdana Menteri pada 19 Mei apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke luar negara untuk bercuti selama dua bulan, tempoh percutian paling panjang sejak beliau menjadi perdana menteri 16 tahun lalu.

Walaupun bercuti Dr Mahathir membuat lawatan rasmi ke beberapa negara Eropah, terutama untuk mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC), satu kawasan seluas 750 km persegi selatan dari sini yang dikhaskan bagi produk-produk dan perkhidmatan multimedia.

Ketika ditanya mengenai isu terbesar yang terpaksa beliau hadapi semasa tempohnya memegang jawatan pemangku perdana menteri, Anwar dengan bersahaja berkata: "Media massa."

Sebagai Pemangku Perdana Menteri, Anwar membuat beberapa keputusan penting termasuk perlantikan Datuk Abu Zahar Isnin sebagai Ketua Menteri Melaka.

Anwar juga melantik bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang baru.

Megat Junid menggantikan Datuk Abu Hassan Omar yang meletak jawatan dan kemudian menjadi Menteri Besar Selangor yang baru selepas memenangi pilihan raya kecil negeri kawasan Permatang.

Sebagai pemangku presiden Umno Anwar mempengerusikan dua mesyuarat Majlis Tertinggi yang antara lain memutuskan untuk memecat bekas Bendahari Wanita Umno Siti Zainab Abu Bakar sebagai timbalan menteri Perusahaan Utama bersabit pemindahan tidak sah wang pergerakan itu berjumlah RM1.8 juta. --

BERNAMA

HS AKD